




1. JAWATAN	: PEGAWAI JURURAWAT (PERUBATAN)
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: M.11 (\$1,920 - \$3,250 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: TIGA PULUH (30)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Sijil Jururawat Am atau yang sebanding.
2. Sijil tambahan kejururawatan (*Post Basic*).
3. Telah dan sedang berkhidmat terus menerus sebagai Jururawat Kanan atau jawatan yang sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
4. Lulus peperiksaan (ujian) bagi kenaikan pangkat.
5. Mempunyai pengalaman yang luas dalam merawat pesakit-pesakit di rumah sakit di bahagian yang khusus seperti *ICU*, *CCU*, *SCBU*, *Renal Unit* dan sebagainnya.
6. Sijil-Sijil yang diperolehi mestilah berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB) yang telah diiktiraf oleh Kerajaan.
7. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI JURURAWAT (PERUBATAN):

1. Melaksanakan pentadbiran di bahagian mereka bertugas dengan teratur.
2. Memastikan dasar-dasar kejururawatan dan tatacara perawatan dijalankan dengan teratur.
3. Mengawasi penjagaan, rawatan dan kesejahteraan pesakit-pesakit dikendalikan dengan memuaskan.
4. Menasihat dan menjadi kaunselor kepada jururawat, pesakit dan keluarga pesakit.
5. Berhubung rapat dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai kakitangan di lain-lain bahagian rumah sakit, pakar-pakar, pegawai perubatan dan keluarga pesakit untuk rawatan dan kesejahteraan pesakit.
6. Menentukan penyimpanan dan pemeliharaan peralatan, alat perkakas, ubat-ubatan dan lain-lain perbekalan sentiasa kemas dan dalam keadaan baik.
7. Membimbing dan menunjuk ajar jururawat-jururawat terlatih dan jururawat dalam latihan.
8. Bersedia menjadi pemeriksa dalam peperiksaan kejururawatan / perbidanan dan memberi ceramah bila diperlukan.
9. Bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu supaya pemeliharaan dan kebersihan dibahagian mereka bertugas dikendalikan dengan teratur dan memuaskan.
10. Menyediakan dan menghadapkan laporan penilaian prestasi jururawat.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.